

# KESALAHAN BAHASA DALAM KARANGAN PELAJAR CINA SEKOLAH MENENGAH

*Liew Siew Lin  
Yahya Othman  
Abdul Rasid Jamian*

## Abstrak

Makalah ini melaporkan kajian tentang kesalahan bahasa dalam karangan pelajar Cina di sekolah menengah di Sibu, Sarawak. Peserta kajian diminta menulis karangan dan didapati bahawa dalam karangan tersebut terdapat beberapa kesalahan bahasa: morfologi, sintaksis, pemerengganan, mekanis, dan penanda wacana. Dapatan juga menunjukkan bahawa jantina dan aliran pengajian mempunyai kaitan yang signifikan dengan kesalahan bahasa manakala tiada kaitan yang signifikan antara tempat tinggal dan taraf sosioekonomi keluarga dengan kesalahan bahasa.

## Abstract

*This article reports the study on the errors in essays composed by Chinese secondary students in Sibu, Sarawak. The subjects are required to write essays. After the essays are corrected, certain language errors are found: morphology, syntax, paragraphing, mechanical, and textual connectors. It was also found that language errors are significantly related to the gender and the educational streaming, while the socioeconomics factors and residence are not related to the language errors.*

## PENDAHULUAN

Selaras dengan Perkara 152, Perlembagaan Malaysia, bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi, bahasa kebangsaan, dan bahasa pengantar di semua sekolah

kerajaan. Hal ini bermakna bahasa Melayu telah dijadikan bahasa pengantar dalam sistem pendidikan di Malaysia, selain menjadi satu mata pelajaran tunggal yang diwajibkan lulus untuk mendapat sijil penuh dalam peperiksaan awam. Menyedari hakikat ini, semua pelajar di sekolah menengah perlu menguasai bahasa Melayu supaya mereka lulus mata pelajaran ini pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Kegagalan dalam mata pelajaran ini akan menyebabkan calon gagal memperoleh sijil penuh. Hal ini bertepatan dengan kenyataan Abdul Ghalib Yunus (2002), bahawa seramai 49 966 calon SPM yang menduduki SPM tahun 2000 gagal memperoleh sijil kerana tidak lulus Bahasa Melayu seperti yang disyaratkan dalam pensijilan terbuka. Angka ini dianggap tinggi kerana meliputi 12.8 peratus daripada kesemua calon yang mengambil peperiksaan. Daripada jumlah ini, sebanyak 45 125 orang (90.3 peratus) merupakan calon sekolah menengah kerajaan, manakala yang selebihnya calon daripada sekolah swasta, sekolah agama, dan calon persendirian. Menurut beliau, seramai 88 peratus calon SPM 2001 lulus dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan layak menerima sijil. Angka ini menunjukkan bahawa masih terdapat 12 peratus calon SPM tahun 2001 yang gagal dalam mata pelajaran tersebut. Hal ini bermakna masih terdapat 46 064 calon atau 12 peratus yang masih tidak dapat menguasai bahasa Melayu. Menurut beliau lagi, masalah ini perlu diatasi kerana kegagalan pelajar menguasai bahasa Melayu akan menjelaskan pencapaian mata pelajaran yang lain. Sebilangan besar yang gagal dalam mata pelajaran itu terdiri daripada calon bukan bumiputera, khususnya calon berbangsa Cina. Oleh itu, kajian ini akan melihat kesalahan bahasa yang kerap dilakukan oleh pelajar Cina, khususnya dalam penulisan karangan.

Awang Sariyan (2001), mengatakan bahawa ramai pelajar yang tidak bersedia menghadapi peperiksaan kertas Bahasa Melayu. Mereka tidak pernah membuat persediaan untuk merangka ayat, dan membentuk plot atau melatih kecekapan tatabahasa. Selama ini, mereka tidak pernah membuat latihan karangan. Pelajar seharusnya melakukan persediaan yang rapi seperti kerap mengarang. Daripada usaha ini, dapatlah mereka menggilap bakat mengarang, membaki tatabahasa, dan memelihara struktur ayat. Selain itu, guru dan pensyarah harus bijak dalam memupuk minat pelajar untuk belajar nahu dan tatabahasa bahasa Melayu. Pandangan beliau jelas membuktikan bahawa kemerosotan pencapaian Bahasa Melayu pada peringkat menengah atas adalah disebabkan oleh faktor kesalahan bahasa dalam kalangan pelajar. Semakin banyak kesalahan bahasa, khususnya dari segi morfologi dan sintaksis, semakin rendahlah markah yang diperoleh oleh mereka dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana

sebanyak 45 markah diperuntukkan dalam karangan Bahasa Melayu SPM.

Berkaitan dengan jenis kesalahan bahasa yang dilakukan, Awang Sariyan (1980), berpendapat bahawa masih terdapat banyak kesalahan bahasa pada peringkat tulisan, daripada kesalahan ejaan hingga kepada kesalahan morfologi dan sintaksis. Menurut Lufti Abas (1987), kesalahan dalam pemilihan kata boleh terjadi oleh faktor kejahilan, gangguan psikologi, falsafah bahasa, takrif bahasa Melayu, takrif bahasa baku, takrif nahu, teori himpunan, pengaruh dialek, dan juga pengaruh bahasa asing. Selain kesalahan kata, kesalahan bahasa juga disebabkan oleh faktor gangguan daripada bahasa ibunda (Juriah Long, *et al.*, 1994). Kesalahan ini sering berlaku dalam konteks pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar bukan Melayu.

Awang Sariyan (1984), mengenal pasti beberapa punca utama kemerosotan pelajar dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Antaranya ialah faktor gangguan dialek, contohnya bahasa Foochou, Hokkien, dan Hakka. Menurut Lado (Disebut oleh Farid M. Onn, 1983) kesalahan yang dilakukan oleh pelajar mengenai sesuatu aspek bahasa kedua disebabkan oleh gangguan daripada kebiasaan menggunakan unsur bahasa pertama. Azman Wan Chik (1989), pula menganggap bahawa kesalahan bahasa yang dilakukan oleh pelajar mungkin berpunca daripada aspek luaran ataupun dalaman. Hal luaran berpunca daripada pengaruh media massa dan masyarakat sekeliling, dan hal dalaman pula berpunca daripada pelajar. Contohnya, gangguan bahasa ibunda, kekeliruan yang berpunca daripada kecualian dan kekurangan pengetahuan tentang bentuk yang betul, kegagalan menyatakan sesuatu yang menyebabkan seseorang itu terpaksa menggunakan bahasa pertama, dan sebagainya. Sehubungan dengan perkara ini, Nik Safiah Karim (1981), menyimpulkan bahawa punca kesalahan bahasa dalam kalangan pelajar akan terus berlaku jika pelajar tidak menguasai bahasa dalam erti kata tidak memahami segala selok-belok bahasa itu, aspek tatabahasanya, dan penggunaan ayat yang betul.

Daripada perbincangan di atas, jelas bahawa kesalahan bahasa yang dilakukan oleh pelajar akan mempengaruhi penguasaan mereka dari segi bahasa dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Justeru, kajian ini akan dapat memperoleh maklumat yang berguna, khususnya kepada guru bahasa Melayu. Pemerolehan maklumat ini akan dapat membantu guru dalam usaha merangka strategi yang sesuai untuk menangani masalah ini dengan berkesan.

## PENYATAAN MASALAH

Corder S. P. (1973), menganggap bahawa kesalahan bahasa biasanya berpunca daripada penukarann, pengalihan atau penghilangan sesuatu bahagian

ujaran seperti bunyi, morfem, perkataan, rangkai kata hingga menyebabkan ayat yang dibentuk mengandungi kesalahan. Kenyataan beliau bersetujuan dengan P. S. Ray (1963), Nik Safiah Karim (1986), dan Awang Sariyan (1984), yang menegaskan bahawa kesalahan bahasa berlaku kerana terdapat penggunaan aspek bahasa yang tidak sempurna daripada tatabahasa yang baku. Dalam hal ini, Corder S. P. (1973), juga menjelaskan bahawa kesalahan bahasa ini diakibatkan oleh kekurangan pengetahuan tentang kaedah pengajaran dan pembelajaran. Kesalahan ini bukan sahaja dapat dikesan dari segi penggunaan perkataan, tetapi juga struktur frasa dan ayat. Sehubungan dengan itu, Corder S. P. (1982), menganggap bahawa kesalahan bahasa yang dibuat ialah kegagalan memadankan bahasa dengan situasi yang sesuai.

Penguasaan bahasa yang lemah dalam kalangan pelajar Cina menyebabkan pencapaian mereka dalam bidang akademik rendah kerana tidak dapat menyatakan sesuatu dengan baik dan berkesan melalui bahasa tulisan. Dalam peperiksaan awam seperti peperiksaan SPM calon dikehendaki menjawab soalan dengan menggunakan bahasa tulisan. Seperti yang dilaporkan dalam laporan prestasi 2001 oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM), kegagalan calon menguasai bahasa tulisan dengan baik dan berkesan menyebabkan calon tidak berupaya menjawab soalan seperti yang dikehendaki oleh LPM. Kajian ini cuba melihat kesalahan bahasa Melayu dalam karangan pelajar Cina di Sibu, Sarawak.

Kajian ini bermula daripada masalah kelemahan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar, khususnya pelajar Cina pada hari ini. Masalah ini berpunca daripada ketidakupayaan pelajar Cina dalam menguasai kemahiran menulis.

Dalam kalangan pelajar Cina sekolah menengah, masalah penguasaan tatabahasa bahasa Melayu sering diperkatakan. Hal ini bertepatan dengan pandangan Abdul Hamid Mahmood (1993), yang menyatakan bahawa kesalahan penggunaan perkataan atau istilah berlaku bukan sahaja dalam kalangan pelajar bukan bumiputera, tetapi juga dalam kalangan pelajar bumiputera. Namun begitu, apabila dibandingkan dari segi kekerapan, didapati pelajar bukan bumiputera, terutamanya pelajar Cina lebih banyak melakukan kesalahan dalam bidang ini. Kekurangan pendedahan terhadap bahasa Melayu merupakan salah satu faktor utama yang menyebabkan keadaan demikian. Menurut beliau lagi, antara kesalahan bahasa yang kerap dilakukan selain perkataan dan istilah ialah kesalahan penggunaan imbuhan, kesalahan kata jamak, kesalahan ayat, kesalahan ejaan, dan kesalahan tanda baca.

Mohd. Jonit Mohd. Johari (1983), telah memetik kajian yang dilakukan oleh Zakaria bin Puteh (1978), untuk mendapat maklumat tentang kesan

pengajaran dan pemelajaran Bahasa Melayu di kelas peralihan. Menurut dapatan Zakaria bin Puteh, pencapaian murid kelas peralihan dalam Bahasa Melayu adalah rendah berbanding dengan pencapaian murid darjah enam sekolah rendah kebangsaan. Mohd. Jonit Mohd. Johari (1983) pula mendapati bahawa kebanyakkan pelajar bukan Melayu menghadapi masalah imbuhan. Bagi mereka, penguasaan imbuhan bahasa Melayu adalah sukar.

Abd. Aziz Abd. Talib (2000) berpendapat bahawa penutur bahasa Melayu keturunan Cina adalah yang paling banyak menghadapi masalah gangguan bahasa ibunda dan pengaruh dialek tempatan dalam bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana struktur bahasa Cina berbeza dengan bahasa Melayu.

Narayanan Kunchi Raman (1993), pula pernah membuat kajian tentang kesalahan bahasa dalam karangan Bahasa Melayu murid Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil (SRJK-T). Laporan keputusan penulisan karangan Bahasa Melayu Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) 1992 menunjukkan bahawa sebanyak 67.5 peratus pelajar Cina dan 82.9 peratus pelajar Tamil gagal dalam ujian tersebut. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa penguasaan kemahiran penulisan dalam kalangan murid SRJK-T yang dipilih adalah rendah.

## OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian adalah untuk

- menilai tahap pencapaian kesalahan bahasa dalam kalangan pelajar Cina secara keseluruhan;
- menilai tahap kesalahan morfologi dan sintaksis dalam karangan pelajar Cina;
- menilai tahap kesalahan mekanis dalam karangan pelajar Cina; dan
- melihat hubungan antara kesalahan bahasa berdasarkan pemboleh ubah yang berkaitan, iaitu status sosioekonomi keluarga, jantina, aliran pengajian, tempat tinggal, dan jenis sekolah.

## KEPENTINGAN KAJIAN

Kemahiran menulis memungkinkan pelajar menyampaikan buah fikiran mereka dengan berkesan kepada pembaca. Kemahiran ini juga memungkinkan pelajar menjawab soalan bukan sahaja dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, tetapi juga dalam mata pelajaran yang lain dengan berkesan.

Menyedari hakikat ini, daptan kajian ini dapat memberi maklumat kepada pelbagai pihak seperti pelajar, guru, dan sekolah yang terlibat secara langsung dalam aktiviti pengajaran dan pemelajaran Bahasa Melayu.

Kepada guru yang mengajar Bahasa Melayu, kajian ini dapat memberi penjelasan tentang kesalahan bahasa Melayu yang sering dilakukan oleh pelajar Cina. Dapatan kajian ini dapat membantu guru dalam merancang dan merangka strategi pengajaran bahasa Melayu yang lebih berkesan dalam usaha meningkatkan tahap penguasaan bahasa Melayu. Maklum balas dalam kajian ini juga dapat membantu guru Bahasa Melayu untuk menyediakan bahan pengajaran dan menentukan pendekatan, kaedah serta teknik pengajaran yang sesuai untuk pengajaran Bahasa Melayu di dalam kelas.

## METODOLOGI

### **Reka Bentuk Kajian**

Penyelidikan yang akan dijalankan ini berbentuk deskriptif. Menurut Mohd. Majid Konting (1998), penyelidikan deskriptif merupakan penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku.

### **Tempat Kajian**

Kajian ini dijalankan di tiga buah sekolah menengah di Sibu, Sarawak. Ketiga-tiga buah sekolah ini dipilih kerana dapat memenuhi syarat dan keperluan kajian.

### **Persampelan**

Jumlah keseluruhan sampel seramai 120 pelajar. Menurut Mohd. Majid Konting (1998), pengkaji digalakkkan menentukan saiz sampel yang melebihi 30 unit kerana andaian taburan normal biasanya dipenuhi apabila saiz sampel melebihi 30 unit. Sampel kajian ini terdiri daripada pelajar Cina tingkatan lima yang dikaji, iaitu seramai 120 orang. Mereka telah lulus Penilaian Menengah Rendah (PMR) pada tahun 2000 dan kini menuntut di tingkatan lima.

## INSTRUMEN KAJIAN

### **Soal Selidik**

Soal selidik yang pertama adalah untuk mengumpul data tentang maklumat

responden. Soal selidik ini dibentuk berdasarkan soalan yang telah dilakukan oleh Kadir Amin (1981). Soal selidik ini berbentuk soalan tertutup yang mudah dijawab oleh responden. Format soalan sedemikian dapat memberi jawapan yang sesuai dan tepat untuk tujuan penyelidikan. Semua pelajar yang menjadi responden tinjauan ini diberi-satu set soalan yang mempunyai dua bahagian, iaitu Bahagian A (Maklumat pelajar sendiri) dan Bahagian B (Taraf sosioekonomi keluarga). Data pemerolehan daripada soal selidik ini diuji kebolehpercayaannya dengan menggunakan kaedah *alfa Cronbach* yang menghasilkan indeks kepercayaan pada alfa 0.60.

### **Penulisan Karangan**

Untuk mendapat data yang diperlukan, setiap responden diminta menulis sebuah karangan dalam tempoh yang ditetapkan. Tajuk karangan yang diberi ialah “Masalah sosial di kalangan remaja kini membimbangkan kita. Bin-cangkan jenis-jenis masalah yang dihadapi oleh mereka dan cara mengatasinya”.

### **Borang Inventori Kesalahan**

Huraian kesalahan bahasa ini berdasarkan sistem tatabahasa dalam *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu* yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada tahun 1994. Jenis kesalahan yang dikenal pasti ialah morfologi (golongan kata, penggunaan imbuhan, pembentukan kata ganda, penggunaan kata tugas, penggunaan kata pemeri, penggunaan kata penegas, penggunaan kata tugas yang lain), sintaksis (struktur ayat majmuk, struktur ayat komplemen, struktur ayat tunggal, struktur ayat aktif, struktur ayat pasif, struktur ayat yang dipengaruhi bahasa Inggeris dan dialek tempatan), mekanis (kesalahan ejaan dan kesalahan penggunaan tanda baca), kesalahan pemerenggan, dan kesalahan penggunaan penanda wacana. Pemberian markah karangan adalah berdasarkan skema pemarkahan yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia.

## **DAPATAN KAJIAN**

### **Pencapaian Penulisan Karangan Secara Keseluruhan**

Jumlah markah purata yang diperoleh oleh pelajar ialah 58.03. Hal ini bermakna pencapaian pelajar tidak begitu memuaskan. Jurang perbezaan markah juga agak besar. Markah yang paling tinggi ialah 77 manakala yang paling rendah ialah 24. Hal ini bermaksud terdapat jurang perbezaan

## KESALAHAN BAHASA DALAM KARANGAN PELAJAR CINA SEKOLAH MENENGAH

sebanyak 53. Pelajar yang mendapat markah paling rendah ialah pelajar lelaki aliran sastera, iaitu 24 manakala yang paling tinggi ialah pelajar perempuan aliran sains, iaitu 77.

### Kesalahan Morfologi

Dapatan kesalahan morfologi dalam kalangan pelajar dipaparkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 menunjukkan kekerapan kesalahan morfologi dalam kalangan

**Jadual 1** Kekerapan kesalahan morfologi dalam kalangan Pelajar Cina mengikut jantina dan aliran persekolahan.

Jenis Kek.	Lelaki		Perempuan		Perempuan		Jumlah			
	Sains	%	Sastera	%	Sains	%	Sastera	%	Kek.	%
K1	18	15.9	90	32.5	10	12.2	33	27.3	151	25.5
K2	20	17.7	18	6.5	14	17.1	13	10.7	65	11.0
K3	26	23.0	49	17.7	26	31.7	15	12.4	116	19.6
K4	12	10.6	34	12.3	8	9.8	15	12.4	69	11.6
K5	2	1.8	8	2.9	2	2.4	3	2.5	15	2.5
K6	35	31.0	78	28.1	22	26.8	42	34.7	177	29.8
<b>Jum.</b>	<b>113</b>	<b>100</b>	<b>277</b>	<b>100</b>	<b>820</b>	<b>100</b>	<b>121</b>	<b>100</b>	<b>593</b>	<b>100</b>

### Petunjuk:

- K1: Kesalahan penggunaan imbuhan
- K2: Kesalahan penggunaan bentuk kata ganda
- K3: Kesalahan penggunaan kata sendi nama
- K4: Kesalahan penggunaan kata pemeri
- K5: Kesalahan penggunaan kata penegas
- K6: Kesalahan penggunaan kata selain kata di atas

pelajar Cina yang telah dikaji. Berdasarkan jadual ini, didapati keenam-enam jenis kesalahan morfologi ialah kesalahan imbuhan (K1), kesalahan kata ganda (K2), kesalahan kata sendi nama (K3), kesalahan kata pemeri (K4), kesalahan kata penegas (K5), dan kesalahan kata lain (K6).

Beberapa contoh kesalahan morfologi: *kebanyakkan, pelbagai-bagai di atas kes-kes itu, adalah orang, mereka pun juga.*

### Kesalahan Sintaksis

Dapatan kesalahan sintaksis dipaparkan dalam Jadual 2.

**Jadual 2** Kekerapan kesalahan sintaksis dalam kalangan pelajar Cina mengikut jantina dan aliran persekolahan.

Jenis Kek.	Lelaki		Perempuan		Perempuan		Jumlah			
	Sains	%	Sastera	%	Sains	%	Sastera	%	Kek.	%
A1	2	15.4	8	11.9	4	19.0	7	28.0	21	16.7
A2	1	7.7	7	10.5	1	4.8	1	4.0	10	7.9
A3	0	0	10	14.9	5	23.8	4	16.0	19	15.1
A4	2	15.4	17	25.4	5	23.8	4	16.0	28	22.2
A5	0	0	1	1.5	1	4.8	3	12.0	5	4.0
A6	8	61.5	24	35.8	5	23.8	6	24.0	43	34.1
Jum.	13	100	67	100	21	100	25	100	126	100

**Petunjuk:**

- A1: Kesalahan ayat aktif
- A2: Kesalahan ayat pasif
- A3: Kesalahan ayat majmuk gabungan
- A4: Kesalahan ayat majmuk pancangan relatif
- A5: Kesalahan ayat majmuk pancangan komplemen
- A6: Kesalahan ayat majmuk pancangan keterangan

Jadual 2 menunjukkan kesalahan sintaksis yang dilakukan oleh pelajar Cina. Kesalahan itu ialah kesalahan ayat aktif (A1), kesalahan ayat pasif (A2), kesalahan ayat majmuk gabungan (A3), kesalahan ayat majmuk pancangan relatif (A4), kesalahan ayat majmuk pancangan komplemen (A5), dan kesalahan ayat majmuk pancangan keterangan (A6).

Berikut dipaparkan beberapa contoh kesalahan sintaksis:

- *Mengakibatkan* kanak-kanak mlarikan diri dari rumah.
- Kes ini belum *dikurangkan*.
- Masalah kanak-kanak terbiar pula merupakan masalah yang lebih umum *di mana* kanak-kanak ini tidak ...
- Kanak-kanak *yang* berfikiran mentah mudah dipengaruhi kata-kata orang *yang* lain *yang* mereka *dipercayai* betul.
- *Kerana* mengalami pelbagai masalah.

Kesalahan yang paling banyak ialah tentang ayat majmuk pancangan keterangan, yang kesalahannya sebanyak 43 atau 34.1 peratus. Hal ini bermakna kebanyakan pelajar masih keliru tentang jenis ayat majmuk pancangan keterangan seperti ayat keterangan cara, keterangan harapan,

keterangan waktu, keterangan syarat, keterangan musabab, dan keterangan bertentangan. Selain itu, ramai juga pelajar tingkatan lima yang melakukan kesalahan ayat majmuk pancangan relatif. Penggunaan kata relatif ‘yang’ dalam ayat ini biasanya menyebabkan ayat relatif tergantung dan tidak mengandungi predikat. Terdapat 28 kesalahan ayat relatif atau 22.2 peratus daripada keseluruhan kesalahan sintaksis.

Pelajar lelaki aliran sastera melakukan sebanyak 67 kesalahan sintaksis atau 60.3 peratus, manakala pelajar lelaki aliran sains melakukan kesalahan sintaksis sebanyak 13 kesalahan atau 10.3 peratus. Hal ini mungkin kerana pelajar lelaki aliran sains lebih suka menulis ayat yang ringkas dan padat. Ayat yang panjang dan meleret-leret akan menghadapi risiko kesalahan. Ayat majmuk pancangan komplemen kurang bermasalah kerana jumlah ayat begini yang ditulis oleh pelajar secara relatifnya juga kurang. Oleh itu, jenis kesalahan ini meliputi lima kesalahan atau empat peratus sahaja.

### Kesalahan Aspek Mekanis

Dapatkan kesalahan mekanis dalam kalangan pelajar Cina yang dikaji dipaparkan dalam Jadual 3.

**Jadual 3** Kekerapan kesalahan mekanis dalam kalangan pelajar Cina mengikut jantina dan aliran persekolahan.

Jenis	Lelaki		Perempuan		Perempuan		Jumlah			
	%	Sains	%	Sains	%	Sastera	%	Kek.	%	
Kek.	Sains	Sastera								
M1	10	19.2	27	37.5	11	26.8	17	26.6	65	28.4
M2	10	19.2	4	5.6	5	12.2	2	3.1	21	9.2
M3	26	50.1	35	48.6	21	51.2	34	53.1	116	50.6
M4	1	1.9	1	1.4	0	0	3	4.7	5	2.2
M5	5	9.6	5	6.9	4	9.8	8	12.5	22	9.6
M6	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jum.	52	100	72	100	41	100	64	100	229	100

#### Petunjuk:

- M1: Kesalahan ejaan (Tidak mengikut ejaan tatabahasa)
- M2: Kesalahan huruf besar dan huruf kecil
- M3: Kesalahan tanda koma (,)
- M4: Kesalahan tanda sempang (-)
- M5: Kesalahan tanda kurung (...), tanda pengikat “...” dan tanda pengikat tunggal ‘...’
- A6: Kesalahan tanda seru (!)

Jadual 3 menunjukkan kekerapan kesalahan mekanis dalam kalangan pelajar Cina. Kesalahan mekanis meliputi kesalahan ejaan (M1), kesalahan huruf besar dan huruf kecil (M2), kesalahan tanda koma (M3), kesalahan tanda sempang (M4), kesalahan tanda kurung, tanda pengikat serta tanda pengikat tunggal (M5), dan kesalahan tanda seru (M6).

Berikut dipaparkan beberapa contoh kesalahan mekanis: *serious, tuhan, masalah kanak-kanak(,) terutamanya ,membeli(-)belah ,(“)Pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara(”). (“)Meletur buluh biar dari rebungnya ”.*

Kesalahan mekanis yang sebanyak 229 atau 21 peratus merupakan masalah besar kepada pelajar Cina. Kesalahan yang paling banyak ialah kesalahan penggunaan tanda koma, iaitu sebanyak 116 kesalahan atau 50.6 peratus. Selain itu, kesalahan ejaan juga agak banyak, iaitu 28.4 peratus atau 65 kesalahan. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar Cina masih keliru tentang ejaan baharu yang telah digunakan sejak tahun 1972 lagi. Kesalahan tanda seru adalah sifar kerana peserta kajian diuji dengan karangan yang berkonseptan fakta dan pemerihalan yang tidak memerlukan tanda seru. Tanda sempang dan tanda pengikat kata juga merupakan kesalahan mekanis yang agak kerap dilakukan oleh pelajar, iaitu lebih kurang 9.5 peratus.

### **Kesalahan Pemerengganan dan Penanda Wacana**

Dapatan kesalahan pemerengganan dan penanda wacana dalam kalangan pelajar Cina dipaparkan dalam Jadual 4.

**Jadual 4** Kekerapan kesalahan pemerengganan dan penanda wacana dalam kalangan pelajar Cina mengikut jantina dan aliran persekolahan.

<b>Jenis</b>	<b>Lelaki</b>		<b>Perempuan</b>		<b>Perempuan</b>		<b>Jumlah</b>			
	<b>Kek.</b>	<b>Sains</b>	<b>Lelaki</b>	<b>%</b>	<b>Sastera</b>	<b>Sains</b>	<b>%</b>	<b>Sastera</b>	<b>%</b>	
P1	3	9.4	2	5.1	5	12.2	0	0	10	7.0
P2	3	9.4	5	12.9	4	9.8	0	0	12	8.4
P3	0	0	3	7.7	0	0	0	0	3	2.1
P4	5	15.6	10	25.6	6	14.6	4	12.9	25	17.5
P5	4	12.5	1	2.6	5	12.2	3	9.7	13	9.1
P6	11	34.4	10	25.6	13	31.7	13	41.9	47	32.8
P7	6	18.7	8	20.5	8	19.5	11	35.5	33	23.1
<b>Jum.</b>	<b>32</b>	<b>100</b>	<b>39</b>	<b>100</b>	<b>41</b>	<b>100</b>	<b>31</b>	<b>100</b>	<b>143</b>	<b>100</b>

**Petunjuk:**

- P1: Kesalahan pembahagian perenggan pendahuluan
- P2: Kesalahan pembahagian perenggan isi
- P3: Kesalahan pembahagian perenggan penutup
- P4: Kesalahan penggunaan penanda wacana untuk menambahkan maklumat
- P5: Kesalahan penggunaan penanda wacana untuk memperlihatkan pertentangan maklumat
- P6: Kesalahan penggunaan penanda wacana untuk memperlihatkan kesan/akibat
- P7: Kesalahan penggunaan penanda wacana untuk memperlihatkan kesimpulan

Jadual 4 memaparkan jumlah kesalahan pemerenggan dan penanda wacana yang dilakukan oleh 120 pelajar yang dikaji. Sebanyak tujuh aspek kesalahan bahasa yang diambil kira; kesalahan pendahuluan (P1), kesalahan perenggan isi (P2), kesalahan perenggan penutup (P3), kesalahan penanda wacana untuk menambahkan maklumat (P4), kesalahan penanda wacana untuk memperlihatkan pertentangan maklumat (P5), kesalahan penanda wacana untuk memperlihatkan kesan/akibat (P6), dan kesalahan penanda wacana untuk memperlihatkan kesimpulan (P7). Penanda wacana digunakan untuk memperlihatkan jalinan dan kesinambungan karangan. Penanda wacana yang baik akan dapat memperlihatkan kekemasan karangan.

Berikut dipaparkan beberapa contoh kesalahan pemerenggan dan penanda wacana:*Juga itu, Oleh sebab, Tetapi, Terutamanya, Selain daripada itu,*


### **Rumusan Aspek Kesalahan Bahasa yang Sering Dilakukan oleh Pelajar Cina dalam Karangan**

Dapatan kajian tentang kekerapan jenis kesalahan bahasa Melayu dalam karangan yang ditulis oleh pelajar Cina dapat disimpulkan dalam jadual dan carta pai yang berikut:

**Jadual 5 Kekerapan jenis kesalahan bahasa dalam kalangan pelajar Cina.**

<b>Bil.</b>	<b>Jenis kesalahan</b>	<b>Peratusan (%)</b>
1.	Morfologi	54.35
2.	Mekanis	21.00
3.	Pemerenggan dan penanda wacana	13.10
4.	Sintaksis	11.55
<b>Jumlah</b>		<b>100</b>

## PERATUSAN JENIS KESALAHAN BAHASA PELAJAR CINA DI SIBU



\* Pemerengganan dan Penanda Wacana.

### Hubungan Kesalahan Bahasa dalam Kalangan Pelajar Cina dengan Tahap Pencapaian Gred Karangan

Hasil kajian tentang hubungan kesalahan bahasa dalam kalangan pelajar Cina dengan tahap pencapaian gred dipaparkan dalam Jadual 6.

**Jadual 6** Pekali Korelasi Pearson - hubungan antara kesalahan bahasa dengan pencapaian gred karangan.

	Jumlah kesalahan	Markah akhir
Jumlah Kesalahan	Kolerasi Pearson	1.000
	Sig. (2-tailed)	0.000
Markah Akhir	N	121
	Kolerasi Pearson	0.998**
	Sig. (2-tailed)	0.000
	N	121

\*\* Korelasi adalah signifikan pada aras 0.01 (2 hujung).

Dapatan kajian menunjukkan bahawa nilai  $r$  sebanyak 0.998 menunjukkan bahawa korelasi sangat tinggi dan perkaitan yang sangat kuat antara kesalahan bahasa dengan pencapaian penulisan. Oleh itu, kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang sangat signifikan antara kesalahan bahasa dalam kalangan pelajar Cina dengan tahap pencapaian gred karangan.

### **Kesalahan Bahasa Berdasarkan Jantina**

Dapatan kajian tentang kesalahan bahasa berdasarkan jantina dipaparkan dalam Jadual 7.

**Jadual 7 Perbezaan min kesalahan bahasa menurut jantina.**

Jantina	Bil.	Min	Perbezaan min	Sisihan piawai (SD)	T	Sig.
Lelaki	60	11.08	3.98	5.82	4.769	0.00
Perempuan	60	7.10		2.82		

Signifikan pada aras  $< 0.05$ .

Min kesalahan bahasa bagi pelajar lelaki sebanyak 11.08 dan min kesalahan pelajar perempuan sebanyak 7.10 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang ketara pada kesalahan bahasa dalam kalangan pelajar Cina berdasarkan jantina. Hasil SPSS juga memaparkan nilai sig. 0.000 yang bermakna kurang daripada aras keertian,  $\alpha = 0.05$ . Hal ini membuktikan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan pada kesalahan bahasa dalam kalangan pelajar berdasarkan jantina.

### **Kesalahan Bahasa Berdasarkan Aliran Pengajian**

Dalam Jadual 8 dipaparkan dapatan kajian tentang kesalahan bahasa berdasarkan aliran pengajian.

**Jadual 8 Perbezaan min kesalahan bahasa menurut aliran pengajian.**

Aliran pengajian	Bil.	Min	Perbezaan min	Sisihan piawai (SD)	t	Sig.
Sains	60	6.58	-5.02	2.51	-6.377	0.00
Sastera	60	11.60		5.55		

Signifikan pada aras  $< 0.05$ .

Min kesalahan bahasa bagi pelajar aliran sains sebanyak 6.58 dan min kesalahan bahasa bagi pelajar aliran sastera sebanyak 11.60 bermakna terdapat perbezaan yang ketara pada kesalahan bahasa dalam kalangan pelajar Cina berdasarkan aliran pengajian. Jika diteliti nilai sig. yang dipaparkan melalui hasil SPSS, nilainya, iaitu 0.000 adalah lebih kecil daripada aras keertian,  $\alpha = 0.05$ . Hal ini membuktikan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan pada kesalahan bahasa dalam kalangan pelajar Cina berdasarkan aliran pengajian.

### **Kesalahan Bahasa Berdasarkan Tempat Tinggal**

Hasil dapatan kajian tentang kesalahan bahasa berdasarkan tempat tinggal dipaparkan dalam Jadual 9.

**Jadual 9** Perbezaan min kesalahan bahasa menurut tempat tinggal.

Tempat tinggal	Bil.	Min	Perbezaan min	Sisihan piawai (SD)	t	Sig.
Bandar	60	9.03	-0.12	5.10	-0.128	0.898
Luar bandar	60	9.15		4.89		

Signifikan di aras  $>0.05$ .

Hasil SPSS menunjukkan bahawa min kesalahan bahasa pelajar bandar ialah 9.03 manakala min kesalahan pelajar luar bandar ialah 9.15. Angka ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang ketara antara jumlah kesalahan yang dilakukan oleh pelajar sampel kajian berdasarkan tempat tinggal. Jika diteliti nilai sig., iaitu .898, nilai ini adalah lebih besar daripada nilai aras keertian,  $\alpha = 0.05$ , maka dapat disimpulkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan pada kesalahan bahasa berdasarkan tempat tinggal.

### **Kesalahan Bahasa Berdasarkan Jenis Sekolah**

Hasil kajian tentang kesalahan bahasa dengan jenis sekolah dipaparkan dalam Jadual 10.

Analisis varian mendapati bahawa nilai sig. ialah .270. Nilai ini lebih besar daripada nilai aras keertian,  $\alpha = 0.05$ . Hal ini bermakna bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kesalahan bahasa dengan jenis sekolah Cina. Walau bagaimanapun, jika diteliti min kesalahan bahasa antara ketiga-tiga sekolah, jelas bahawa kesalahan yang dilakukan oleh pelajar di sekolah kerajaan adalah lebih banyak, iaitu 10.07 berbanding dengan 8.90 di sekolah menengah bantuan dan 8.30 di sekolah menengah swasta.

**Jadual 10** ANOVA - Analisis kesalahan bahasa menurut jenis sekolah.

Jenis sekolah	Bil.	Min	Sisihan piawai (SD)		
	Dk	SS	MS	F	Sig.
Kerajaan	40	10.07		6.09	
Bantuan	40	8.90		3.98	
Swasta	40	8.30		4.58	
Antara kumpulan	2	65.217	32.608	1.324	.270
Dalam kumpulan	117	2880.775	24.622		
Jumlah Selisih	119	2945.992			

Signifikan pada aras >0.05.

## PERBINCANGAN

Rumusan kajian ini menerangkan aspek yang telah dikemukakan dalam soalan kajian.

### Pencapaian Keseluruhan (Gred) Bahasa Secara Keseluruhan

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pencapaian pelajar Cina hanyalah pada tahap memuaskan, iaitu min skor sebanyak 58.03 peratus. Terdapat lapan atau 6.67 peratus pelajar yang mendapat 24 peratus hingga 31 peratus, iaitu pada tahap yang lemah. Pada tahap yang kurang memuaskan, terdapat 21 pelajar (17.5 peratus) yang mendapat markah antara 32 hingga 50 peratus. Sementara itu, terdapat 70 pelajar (58.3 peratus) yang berada pada tahap memuaskan yang memperoleh markah antara 51 hingga 69. Hanya 21 pelajar (17.5 peratus) yang memperoleh markah antara 70 hingga 77 yang berada pada tahap baik. Tiada pelajar yang mendapat markah pada tahap cemerlang (88 peratus – 100 peratus). Pencapaian ini banyak dipengaruhi oleh latar belakang akademik sampel yang dipilih dari pelbagai tahap kebolehan yang berbeza.

### Kesalahan Morfologi

Terdapat 593 kesalahan morfologi yang dilakukan oleh pelajar. Jumlah ini meliputi enam aspek kesalahan morfologi. Secara purata, setiap pelajar kajian telah melakukan lebih kurang lima kesalahan morfologi. Dari segi jenis kesalahan, penggunaan kata meliputi 177 (29.8 peratus), imbuhan

151 (25.5 peratus), kata sendi 116 (19.6 peratus), kata pemer 69 (11.6 peratus), kata ganda 65 (11.0 peratus), dan kata penegas 15 (2.5 peratus).

### **Kesalahan Sintaksis**

Min bagi kesalahan sintaksis ialah 1.05. Hal ini bermakna setiap pelajar Cina dijangka melakukan sekurang-kurang satu kesalahan ayat secara purata. Terdapat enam jenis kesalahan ayat, iaitu kesalahan ayat keterangan 43 (34.1 peratus), ayat relatif 28 (22.2 peratus), ayat aktif (16.7 peratus), ayat gabungan 19 (15.1 peratus), ayat pasif 10 (7.9 peratus) dan ayat komplemen 5 (4.0 peratus). Jumlah keseluruhan kesalahan sintaksis ialah 126. Hal ini bermakna bahawa pelajar Cina yang dikaji masih melakukan kesalahan ayat walaupun mereka telah menggunakan bahasa Melayu selama 11 tahun.

### **Kesalahan Mekanis**

Kesemua pelajar yang dikaji ada melakukan kesalahan ejaan dan tanda baca. Secara umumnya, peserta kajian melakukan 229 kesalahan jenis ini. Dapatkan ini bermakna bahawa min kesalahan mekanis ialah 1.91. Dalam erti kata lain, setiap pelajar dijangka melakukan lebih kurang dua kesalahan mekanis secara purata. Pecahan jumlah tersebut ialah kesalahan tanda koma 116 (50.6 peratus), ejaan 65 (28.4 peratus), tanda pengikat atau tanda kurung 22 (9.6 peratus), huruf besar dan huruf kecil 21 (9.2 peratus), dan tanda sempang 5 (2.2 peratus). Tiada kesalahan pada penggunaan tanda seru kerana karangan yang ditulis ialah karangan berfakta yang tidak memerlukan penggunaan tanda seru.

### **Kesalahan Pemerengganan dan Penanda Wacana**

Min kesalahan pemerengganan dan penggunaan penanda wacana bagi kajian ini ialah 1.19 atau 143 kesalahan secara keseluruhannya. Pecahan angka kesalahan ini ialah kesalahan penanda wacana untuk memperlihatkan kesan 47 (32.8 peratus), penanda wacana untuk penutup 33 (23.1 peratus), penanda wacana untuk menambahkan maklumat 25 (17.5 peratus), penanda wacana untuk memperlihatkan pertentangan maklumat 13(9.1 peratus), kesalahan pembahagian perenggan isi 12 (8.4 peratus), kesalahan pembahagian perenggan pendahuluan 10 (7.0 peratus), dan kesalahan pembahagian perenggan penutup 3 (2.1 peratus). Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa aspek pemerengganan dan penggunaan penanda wacana yang tepat dan berkesan masih diabaikan oleh pelajar, termasuk pelajar yang baik prestasinya.

### **Kesalahan Bahasa dengan Tahap Pencapaian Gred Karangan**

Analisis data dalam kajian ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang sangat tinggi dan perkaitan yang sangat kuat antara kesalahan bahasa dengan pencapaian gred. Ujian Pekali Korelasi Pearson membuktikan kenyataan ini. Nilai  $r$  yang diperoleh ialah 0.998. Jika dibandingkan dengan Panduan Guildford, nilai  $r$  ini adalah lebih daripada 0.90. Dapatkan ini membuktikan pendapat umum bahawa kesalahan bahasa mempunyai hubungan secara langsung dengan pencapaian gred. Peraturan Pemarkahan Kertas 1 2001 memperuntukkan 45 markah untuk aspek bahasa. Jika pelajar buruk bahasanya, maka kuranglah markah karangannya.

### **Kesalahan Bahasa Berdasarkan Status Sosioekonomi Keluarga**

Analisis data menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada kesalahan bahasa berdasarkan taraf sosioekonomi keluarga. Ujian  $t$  Sampel Tak Bersandar membuktikan kenyataan ini, iaitu nilai sig. 0.411 adalah lebih besar daripada nilai aras keertian,  $\alpha = 0.05$ . Hal ini bermakna pendapatan keluarga tidak ada kaitan dengan jumlah kesalahan bahasa yang dilakukan oleh pelajar.

### **Kesalahan Bahasa Berdasarkan Jantina**

Analisis data kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara lelaki dengan perempuan dari segi jumlah kesalahan bahasa. Min kesalahan bagi perempuan ialah 7.10, manakala lelaki ialah 11.08. Hal ini bermakna terdapat perbezaan min sebanyak 3.98. Sementara itu, nilai sig. ialah 0.000, iaitu lebih kecil daripada aras keertian,  $\alpha = 0.05$ . Hal ini bermakna terdapat perbezaan yang signifikan antara kesalahan bahasa berdasarkan jantina. Dalam erti kata yang lain, pelajar perempuan mungkin lebih bersifat berhati-hati berbanding dengan pelajar lelaki yang bersifat kasar dan cuai.

### **Kesalahan Bahasa Berdasarkan Aliran Pengajian**

Dapatkan kajian yang dikaji melalui Ujian  $t$  Sampel Tak Bersandar menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara jumlah kesalahan bahasa pelajar aliran sains dengan pelajar aliran sastera. Perbezaan min kesalahan antara kedua-dua kumpulan ini ialah 5.05, iaitu min kesalahan pelajar sains 6.58 dan pelajar sastera 11.60. Nilai sig. yang diproses melalui

SPSS ialah .000, yang lebih kecil daripada aras keertian,  $\alpha = 0.05$ . Hal ini mungkin demikian kerana pelajar aliran sains mempunyai kelebihan dari segi penguasaan bahasa berbanding dengan pelajar aliran sastera, memandangkan pelajar aliran sains pernah memperoleh keputusan yang baik dalam PMR.

### Kesalahan Bahasa Berdasarkan Jenis Sekolah

Analisis kajian ini menggunakan ANOVA. Hasil SPSS menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan. Min kesalahan bagi ketiga-tiga jenis sekolah ialah 10.07 (SMK), 8.90 (SMB), dan 8.30 (SM Swasta). Nilai sig. ialah .270, iaitu lebih besar daripada  $\alpha = 0.05$ . Justeru, jumlah kesalahan yang dilakukan oleh pelajar tidak ada kena-mengena dengan jenis sekolah. Walau bagaimanapun, masih terdapat perbezaan dari segi jumlah kesalahan antara setiap jenis sekolah itu yang tidak signifikan.

### KESIMPULAN

Kesimpulannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa purata keseluruhan penguasaan bahasa dalam penulisan karangan dalam kalangan pelajar Cina Sibu yang seramai 120 orang yang dikaji berada pada tahap yang memuaskan. Walau bagaimanapun, masih ada sebilangan besar pelajar yang hanya mendapat markah antara 24 peratus hingga 50 peratus.

### RUJUKAN

- Abd. Aziz Abd. Talib, 2000, *Pedagogi Bahasa Melayu – Prinsip, Kaedah dan Teknik*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Abdul Ghalib Yunus, 2002, “Kesalahan Bahasa dalam Surat Rasmi”. dlm. *Pelita Bahasa*, 14(2), 18–20.
- Abdul Hamid Mahmood, 1993. *Betulkan Kesalahan Bahasa Anda*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan, 1980. “Pencemaran Bahasa dari Perspektif Budaya” dlm. *Dewan Masyarakat*, 3(3). 3–4.
- Awang Sariyan, 1984, *Kesalahan Umum Penggunaan Bahasa Melayu di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan, 2001. “Sikap Punca Bahasa Melayu Terabai”. dlm. *Berita Harian*, 4 Mac.
- Azman Wan Chik, 1989. “Kesilapan Penggunaan Bahasa Malaysia oleh Murid-murid Melayu” dlm. Abdullah Hassan, Hasnah Ibrahim dan Mashudi Kader

- (ed.) *Kesalahan Bahasa dalam Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Corder S. P., 1973, *Introducing Applied Linguistics*. Harmondsworth: Penguin Education.
- Farid M. Onn, 1983. "Linguistik dan Pengajaran Bahasa Melayu: Satu Justifikasi Penerapan" dlm. Nik Safiah Karim, *Rampaian Linguistik Malaysia*. Kuala Lumpur: Pustaka Ilmu Raya.
- Juriah Long, Raminah Hj. Sabran dan Sofiah Hamid, 1994. *Perkaedahan Pengajaran Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Kadir Amin, 1981. "Satu Analisis Kesilapan Penggunaan Bahasa Malaysia Murid-murid Melayu Darjah Enam di Dua Buah Sekolah Rendah di Melaka". Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Lufti Abas, 1987. "Kesalahan Morfologi: Kemungkinan Sebab-Musabab dan Pembetulannya", dlm. Abdullah Hassan, Hasnah Ibrahim, Mashudi Kader (ed.). *Kesalahan Bahasa dalam Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Jonit Mohd. Johari, 1983. *Satu Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu di Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Majid Konting, 1998. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (edisi keempat). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Narayanan Kunchi Raman, 1993. "Kesalahan Bahasa dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil" dlm. *Dewan Bahasa*, 37 (5). 18–20.
- Nik Safiah Karim, 1981. *Beberapa Persoalan Sosiolinguistik Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, 1986. *Bahasa Melayu Tinggi: Teori dan Penerapan*. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia dan Nurin Enterprise.
- Ray P. S., 1963. *Language Standardization*. Holland: The Hague Monton.
- Zakaria bin Puteh, 1978. "Kajian Pencapaian Bahasa Malaysia Murid-murid Peralihan". Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.